



## 'Jangan saman, sita kelengkapan niaga penjaja' - Noh

Oleh [RoselanAb Malek](#) - Mac 22, 2022 @ 6:17pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

TEMERLOH: Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar merayu pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara agar tidak mengambil tindakan ke atas peniaga kecil dan penjaja yang baru kembali berniaga jika mereka melakukan kesalahan.

Katanya, PBT wajar bertolak ansur dengan memberi nasihat jika peniaga kecil dan penjaja melakukan kesalahan seperti berniaga di lokasi tidak dibenarkan, tidak mempunyai lesen atau lain-lain kesalahan, bukannya mengambil tindakan drastik mengeluarkan saman atau menyita kenderaan bersama kelengkapan perniagaan serta barang jualan.

"Kebanyakan peniaga kecil, penjaja ini baru hendak bernafas semula selepas pandemik sejak dua tahun lalu dan ada juga yang terjejas dengan banjir baru ini," katanya selepas menyampaikan Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia (BBKM) kepada 500 usahawan dari kawasan Parlimen Temerloh, di sini hari ini.

Dalam pada itu, katanya, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya, TEKUN Nasional telah menyalurkan geran bernilai RM 0.2 juta dalam BBKM untuk membantu usahawan terjejas di seluruh Pahang.

Noh berkata, geran BBKM disasarkan kepada peniaga informal dan mikro yang premis terjejas dengan banjir dan terbuka kepada warganegara Malaysia tanpa mengira kaum, bagi meringankan beban dan membantu mereka bangkit semula dalam perniagaan.

"Ada 3,400 usahawan informal dan mikro di Pahang yang premis perniagaan mereka terjejas dengan banjir dan akan diberikan bantuan RM3,000 seorang di bawah BBKM secara 'one off' dan tidak perlu dibayar balik," katanya.

Katanya, permohonan geran itu dibuka mulai Februari lalu sehingga 19 Mac dengan dana RM50 juta yang diperuntukkan akan memberi manfaat kepada 16,666 usahawan formal dan mikro.

"Sehingga kini sebanyak 16,058 permohonan diterima di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 9,688 telah lulus dengan nilai RM29.08 juta, manakala baki 6,370 permohonan masih dalam proses penilaian," katanya.



Noh (tengah) menyerahkan replika cek Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia (BBKM) kepada usahawan Parlimen Temerloh, hari ini. - NSTP/Roselan Ab Malek